



TS. MARZUKI ABDULLAH

LATAR BELAKANG

Beliau memiliki kelulusan dalam Ijazah Sarjana Pengajian Melayu di Jabatan Seni (Kajian Animasi), Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Multimedia (Kepujian) Animasi, Diploma Vocational Training Executive Tahap 4, Sijil Vocational Training Officer Tahap 3, Diploma Lanjutan Pembangun Animasi 2D Tahap 5, Sijil Kemahiran Malaysia dalam Artis Multimedia Tahap 2, dan Sijil Kemahiran Malaysia dalam Pereka Bentuk Multimedia Tahap 3.

PENCAPAIAN

Beliau telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai Panel NOSS, PP – PPT, PPL – PPT, PPL dalam bidang IT Multimedia dan PP – PPT bagi bidang VTO Teknik Mengajar. Beliau turut mendapat pengiktirafan dari Creative Content Industry Guild (CCIG) bagi kategori Advanced Tier pada tahun 2014 dalam bidang Animation and VFX, dan pengiktirafan dari Malaysian Board of Technologies (MBOT) pada tahun 2017.

Beliau yang memulakan kerjayanya sebagai seorang Kartunis dengan menggunakan nama pena Kidol telah berkarya di dalam majalah Gelagat pada tahun 1992. Oleh kerana minat yang mendalam di dalam bidang lukisan kartun , beliau telah berjaya memasuki Kharisma Pictures dengan menerbitkan siri animasi

Usop Sontorian yang bermula pada tahun 1994 dengan memegang jawatan sebagai Animator.

Beliau turut serta di dalam produksi animasi Kluang Man terbitan UAS Animation Studio dan Yokies terbitan Fine Animation Sdn. Bhd. Sebagai Compositing Artist. Pada tahun 2001, beliau memulakan kerjayanya sebagai Pensyarah Multimedia Animasi di Kolej Kemahiran Montevest di Bangi.

Pada tahun 2005, beliau kembali semula ke dalam industri animasi dengan menyertai Fat Lizard dan Vision Animation serta terlibat di dalam produksi CJ The DJ yang merupakan sebuah produksi bagi siaran televisyen Australia. Keputusan beliau untuk kembali ke industri ini telah memberi pendedahan kepada beliau akan teknologi terkini di dalam industri animasi.

Pada tahun 2011, beliau kembali menjadi tenaga pengajar di Kolej Teknologi MEA. Semasa di kolej berkenaan, beliau telah dilantik oleh Meatech Studio sebagai Pengarah Animasi bagi Produksi Animasi Dato Bahaman yang dibuat sebanyak 13 episod.



Seterusnya, beliau menyertai Kolej SEGi di Seri Kembangan dalam mengajar Diploma Multimedia dan beliau turut berpeluang menyertai KRU Academy sebagai Pensyarah Animasi 2D bagi program Kolej Vokasional hingga dilantik sebagai Timbalan Program Kemahiran.

Setelah tamatnya kontrak beliau di KRU Academy, beliau menyertai ASWARA sebagai Pensyarah Animasi 2D dan mengajar subjek Character Design, Studio Animasi 2D, dan Cartoon and Comic Art.

Oleh kerana minat beliau yang mendalam di dalam bidang kartun, beliau terus berkarya dengan menghasilkan Sarip Puisi yang disiarkan di dalam majalah Tunas Cipta terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan beliau turut menghasilkan lukisan karikatur diwaktu yang terluang.

Beliau sering mendapat jemputan sebagai Pegawai Penilai Luar bagi program JPK selain menjadi Pegawai Penilai bagi Persijilan Kemahiran Malaysia secara Pertauliahahan Pencapaian Terdahulu.

Beliau merupakan ahli aktif di dalam Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS), dan Rumah Kartun dan Komik Malaysia (RKKM). Karya beliau pernah dipamerkan di Pameran Potret dan Karikatur P.Ramlee di ASWARA, dan Pameran Kartun dan Kita di Muzium Terengganu.



Karya :‘Sarip Puisi’



Karya : Karikatur